

Rakyat kena bersatu bina semula ekonomi

RH - 17/12/2021 m/s: 2

PM minta swasta jadi pemangkin pastikan Malaysia keluar daripada kemelesetan akibat pandemik

Georgetown: Membina semula ekonomi bukanlah sesuatu yang mudah, sekali gus penting bagi rakyat Malaysia untuk terus bersatu ketika negara mengharungi jalan keluar daripada kemelesetan ekonomi yang disebabkan pandemik ketika ini, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, falsafah yang menyokong perniagaan Malaysia dibuktikan melalui komitmen kerajaan terhadap konsep perkongsian awam-swasta.

"Justeru, saya menyeru sektor swasta untuk menjadi pemangkin kepada pembaharuan bagi memacu kemampanan dan seterusnya menyumbang kepada matlamat kolektif kita untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan," katanya.

Menjelaskan demikian dalam ucapan perasmian yang dirakam lebih awal pada Sidang Kemuncak Ekonomi dan Teknologi China Global (GCET) di sini semalam, beliau berkata, Malaysia me-

nawarkan kelebihan yang tiada tandingan kepada pelabur, bukan sahaja sebagai gerbang masuk ke ASEAN, tetapi juga kepada pasaran dunia.

Katanya, beberapa organisasi antarabangsa dalam laporan terkini mereka membuktikan keberkesanan dasar yang dilaksanakan kerajaan.

Sebagai contoh, Ismail Sabri berkata, Pusat Daya Saing Dunia IMD menempatkan Malaysia sebagai negara ke-25 paling berdaya saing dalam kalangan 64 ekonomi pada 2021 dan Forum Ekonomi Dunia mengenai Indeks Kesediaan Rangkaian 2016 meletakkan Malaysia di tempat keenam kerajaan paling arif digital daripada 139 ekonomi.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, dalam mengiktiraf potensi ekonomi China, Malaysia mempelopori jangkauan diplomatik ke negara itu dan menjadi anggota ASEAN pertama yang merasmikan hubungan diplomatik dengan China pada 1974.

Bersandarkan kepada persahabatan yang erat dan berkekalan itu, katanya, Malaysia dan China terus mengukuhkan hubungan ekonomi, walaupun ketika krisis semasa dan China menjadi rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009, menyumbang 18.6 peratus daripada jumlah perdagangan negara pada 2020.

"Eksport ke China mencatatkan paras tertinggi baharu pada 2020, berkembang sebanyak 11.1 peratus kepada AS\$37.77 bilion

dan China juga sumber import terbesar Malaysia, menyumbang 21.5 peratus daripada jumlah import," katanya.

Mengenai pelaburan, Ismail Sabri berkata, China muncul sebagai pelabur asing terbesar dalam sektor pembuatan di Malaysia dari 2016 hingga 2020.

Sepanjang lima tahun ini, beliau memaklumkan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) meluluskan sebanyak 243 projek dengan jumlah pelaburan AS\$14.91 bilion dan menyediakan lebih 50,000 peluang pekerjaan di Malaysia.

"Syarikat China yang terkenal seperti Huawei, Longi Solar, Jinko Solar, Alliance Steel, Alibaba Group, Geely Auto Group, Xiamen University dan banyak lagi telah menjadikan Malaysia destinasi pelaburan pilihan masing-masing.

"Kehadiran syarikat terkenal dunia ini adalah bukti ekosistem mesra perniagaan Malaysia," katanya.

Sidang kemuncak GCET selama sehari yang diadakan bagi mempromosi kerjasama dan diplomasi perniagaan, budaya dan ekonomi digital turut dihadiri Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Duta China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

BERNAMA